

Headline	Alat pendingin hawa punca kadar caj elektrik meningkat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	9
ArticleSize	223 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,222		



# Alat pendingin hawa punca kadar caj elektrik meningkat

## FOKUS

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

pengarang@utusan.com.my

**KEKERAPAN** penggunaan pendingin hawa oleh penduduk punca utama peningkatan penggunaan elektrik kesan fenomena El Nino yang berlaku sehingga kini.

Pengguna lebih cenderung menurunkan suhu pendingin hawa pada tahap lebih rendah dengan meningkatkan kelajuan kipas dan menggunakannya untuk tempoh yang lebih lama.

Selain itu, penggunaan peralatan lama yang tidak diselenggara dengan baik juga boleh mengakibatkan kadar elektrik meningkat.

Kesemua faktor ini akan meningkatkan penggunaan elektrik secara mendadak dan memberi kesan ke atas bil elektrik.

Menurut statistik terbaharu TNB, permintaan tertinggi elektrik di Semenanjung Malaysia mencatatkan bacaan pada 17,788 megawatt (mW) pada 20 April 2016, meningkat 37.82 peratus berbanding 1 Januari 2016 iaitu 12,906 mW kesan fenomena El Nino," katanya di sini hari ini.

Penduduk di negara ini perlu mengetahui kadar tarif elektrik yang dikenakan dan perlu mengambil inisiatif untuk mempelajari kaedah dan panduan bagi mengurangkan penggunaannya.

Antara kaedahnya termasuklah mengurangkan penggunaan motor pemanas air di bilik mandi atau menggosok baju berselang seli, bukan setiap hari. Ramai yang faham bahawa lagi banyak digunakan bermakna lagi tinggi caj harus ditanggung.

Ketahuiilah bahawa tarif elektrik TNB ialah dari 0 hingga 200 kilo watt-jam (kWh), caj ialah

0.218 sen per unit; 201 hingga 300 ialah 0.334 sen; 301 hingga 600 ialah 0.516 sen dan 601 ke atas ialah 0.546 sen.

Satu kajian kes di Selangor menunjukkan penggunaan tiga unit pendingin hawa oleh seorang pengguna meningkat daripada lima jam sehari pada Disember 2015 kepada lapan jam sehari bulan ini. Penggunaan elektriknya meningkat 40 peratus daripada 428kWh kepada 598kWh. Kenaikan ini menyebabkan bil meningkat daripada RM125.52 kepada RM231.69.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mohd. Nizar Hamidon dipetik sebagai berkata, pengguna disaran meletakkan perbezaan suhu hanya empat darjah Celsius di dalam rumah dan luar rumah.

Situasi itu akan mengurangkan penggunaan elektrik. Misalnya bila suhu di luar rumah ialah 39 darjah Celsius manakala pendingin hawa di dalam rumah 20 darjah Celsius, tentulah bil elektrik akan melambung.

Suhu pendingin hawa yang rendah itu memaksa kompresor bekerja lebih keras, dalam waktu yang lama. Ini diterjemahkan kepada lebih banyak tenaga elektrik.

Analogi serupa boleh disamakan kepada pendingin hawa dalam kereta. Ramai tidak mengerti bahawa jentera pendingin hawa beroperasi menggunakan minyak. Bateri sekadar untuk menyalakannya tetapi untuk operasi, ia berasaskan minyak.

Maka itu, bila anda tersekat dalam kesesakan lalu lintas, anda akan dapati meter minyak anda menyusut. Bayangkan pendingin hawa di rumah pula.

Pengguna yang ingin mendapatkan panduan-panduan penjimatan tenaga boleh melayari laman web [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my).